**SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)**
**RASIONALISASI SKIM PERKHIDMATAN BAGI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN DI BAWAH SISTEM SARAAN MALAYSIA**
**(PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2016)**

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 1. | Apakah perbezaan di antara Gaji Permulaan Terendah (GPT) dan gaji minimum? | GPT adalah merujuk kepada gaji permulaan terendah dalam Perkhidmatan Awam iaitu RM1,200. Manakala gaji minimum adalah gaji minimum bagi setiap gred jawatan masing-masing dalam JGMM. |
| 2. | Adakah pegawai yang diselaraskan ke gaji permulaan yang baharu diberi faedah pemindahan gaji bersamaan 1 KGT? | Pegawai yang dipindahkan ke gaji permulaan yang baharu tidak lagi ditambah dengan pemberian faedah pemindahan gaji bersamaan amaun 1 KGT kerana pegawai telah mendapat faedah pemindahan bersamaan atau melebihi 1 KGT. |
| 3. | Bagaimana mengira amaun pemindahan bagi pegawai yang dipindahkan ke gaji permulaan yang baharu? | $\frac{\text{Gaji pegawai di JGMM baharu - Gaji selepas PGT}}{\text{Kadar KGT mengikut gred asal}}$ |
| 4. | Mengapakah amaun pemindahan ke JGMM baharu berbeza-beza antara pegawai? | Semua pegawai akan menikmati amaun pemindahan sebanyak 1 KGT kecuali pegawai yang terlibat dengan pemindahan ke gaji permulaan baharu di JGMM baharu yang amaunnya boleh melebihi 1 KGT. |
| 5. | Adakah guru sandaran/ guru interim/ guru ganti/ Pekerja Sambilan Harian (PSH)/ Pegawai *Contract For Service* | **Tidak layak** kerana pegawai bukan merupakan lantikan tetap, *contract of service* atau lantikan sementara. |

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th></tr>
<tr><td></td><td>(CFS) layak menerima faedah pemindahan 1 KGT?</td><td></td></tr>
<tr><td>6.</td><td>Adakah pemberian faedah pemindahan gaji 1 KGT pada 1 Julai 2016 menggunakan kadar tetap PGT 3% bagi pegawai yang telah mencapai gaji maksimum?</td><td>Tidak. Pemberian faedah pemindahan 1 KGT pada 1 Julai 2016 adalah menggunakan kadar KGT gred masing-masing sebelum dipindahkan ke JGMM baharu.</td></tr>
<tr><td>7.</td><td>Apakah kadar KGT yang digunakan bagi pemberian faedah 1 KGT?</td><td><table>
<tr><th>Situasi</th><th>Kadar KGT</th></tr>
<tr><td>Penyeragaman Gred 17 ke Gred 19</td><td>Gred 17</td></tr>
<tr><td>Tukar lantik</td><td>Gred sebelum tukar lantik</td></tr>
<tr><td>Kenaikan pangkat</td><td>Gred kenaikan pangkat</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>8.</td><td>TPG pegawai adalah pada 1 Oktober dan telah mencapai gaji maksimum pada 30 Jun 2016. Adakah PGT 2016 pegawai menggunakan KGT pada kadar tetap 3% atau kadar KGT gred jawatan pegawai?</td><td>TPG pegawai hendaklah diawalkan ke 1 Julai dan PGT 2016 diberi menggunakan KGT pada kadar tetap 3%.</td></tr>
<tr><td>9.</td><td>Adakah pegawai yang bersara pada 1 Julai 2016 layak mendapat faedah pemberian 1 KGT?</td><td>Pegawai yang bersara pada 1 Julai 2016 tidak layak faedah 1 KGT kerana hari terakhir pegawai berkhidmat ialah pada 30 Jun 2016.</td></tr>
<tr><td>10.</td><td>Adakah pegawai yang meninggal dunia pada 1 Julai</td><td>Pegawai yang meninggal dunia pada 1 Julai 2016 layak mendapat faedah pemberian</td></tr>
</table>

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| | 2016 layak mendapat faedah pemberian 1 KGT? | 1 KGT kerana disifatkan masih berkhidmat pada 1 Julai 2016. |
| 11. | Adakah pegawai yang bertugas di agensi yang diasingkan saraannya tetapi masih kekal dalam SSM, layak menerima faedah JGMM baharu dan 1 KGT? | Tertakluk kepada terma dan syarat semasa pengasingan agensi tersebut. |
| 12. | Mengapakah PGT Oktober 2016 diawalkan ke Julai? | PGT Oktober 2016 diawalkan ke 1 Julai 2016 bagi **mengelak pelangkauan** gaji oleh pegawai lantikan kemudian (junior). |
| 13. | Adakah PGT Oktober 2016 yang diawalkan ke Julai diubah ke Julai bagi tahun 2017 dan seterusnya? | **Tidak**. PGT pegawai akan kembali ke Oktober pada tahun 2017 dan seterusnya kecuali pegawai-pegawai yang terlibat dalam perubahan TPG yang baharu. |
| 14. | Adakah semua pegawai terlibat dengan perubahan TPG bagi tahun 2017 dan seterusnya? | **Tidak**. Perubahan TPG bagi tahun 2017 dan seterusnya hanya melibatkan pegawai yang gaji selepas pemberian PGT 2016 kurang daripada gaji permulaan baharu dan pegawai lantikan 1 Julai hingga 30 September 2016. |
| 15. | Dalam keadaan pegawai belum menyempurnakan LNPT pada 1 Julai 2016, adakah pemindahan gaji pegawai ke JGMM baharu boleh dilaksanakan? (PGT 2016 belum diselesaikan). | Pegawai **layak** diberi faedah pemindahan 1 KGT pada 1 Julai dan dipindahkan ke JGMM baharu. Sekiranya PGT pegawai telah diputuskan selepas pemindahan gaji, gaji pegawai hendaklah diselaraskan semula. |

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 16. | Adakah pegawai layak diberi faedah pemberian 1 KGT sekiranya PGT pegawai tahun 2015 belum diputuskan oleh PPSM? | Pegawai **layak** diberi faedah pemindahan 1 KGT pada 1 Julai dan dipindahkan ke JGMM baharu. Sekiranya PGT pegawai telah diputuskan selepas pemindahan gaji, gaji pegawai hendaklah diselaraskan semula. |
| 17. | Sekiranya PPSM memutuskan bahawa pegawai tidak diberi PGT bagi tahun 2016, layakkah pegawai diberi faedah 1 KGT mengikut PP1/2016? Adakah pemberian faedah 1 KGT juga tertakluk kepada keputusan PPSM? | Pegawai **layak** diberi faedah 1 KGT walaupun PPSM memutuskan pegawai tidak layak PGT tahun 2016. Pemberian faedah 1 KGT **tidak terikat kepada keputusan PPSM**. Oleh itu, untuk tahun 2016, pegawai tidak diberi PGT tetapi diberi faedah 1 KGT. |
| 18. | Adakah pegawai yang dikenakan tindakan turun gaji layak mendapat faedah pemberian 1 KGT? | Pegawai yang dikenakan tindakan turun gaji **layak** mendapat faedah pemberian 1 KGT kerana pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib buang kerja sahaja yang tidak layak. |
| 19. | Bagaimanakah pemberian faedah pemindahan gaji 1 KGT kepada pegawai yang bercuti separuh gaji? | Pemberian gaji pegawai adalah separuh daripada jumlah gaji yang telah diberi faedah 1 KGT dalam tempoh pegawai bercuti separuh gaji. Pegawai akan mendapat bayaran penuh apabila pegawai kembali bertugas.<br>**Formula:**<br>$\frac{\text{Gaji pokok + PGT + faedah 1 KGT}}{2}$ |

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 20. | TPG pegawai adalah pada 1 Oktober. Tarikh bersara wajib pegawai adalah antara 2 Julai hingga 30 September 2016. Bolehkah PGT pegawai diberi pada 1 Julai 2016 sedangkan pegawai tiada lagi dalam perkhidmatan pada 1 Oktober 2016? | TPG pegawai **hendaklah diawalkan** pada 1 Julai bagi tujuan pelaksanaan PP 1/2016 sahaja. |
| 21. | TPG pegawai adalah pada 1 Oktober. Pegawai memilih untuk bersara pilihan antara 2 Julai hingga 30 September 2016. Bolehkah PGT pegawai diberi pada 1 Julai 2016 sedangkan pegawai tiada lagi dalam perkhidmatan pada 1 Oktober 2016? | TPG pegawai **hendaklah diawalkan** pada 1 Julai bagi tujuan pelaksanaan PP 1/2016 sahaja. |
| 22. | Apakah rujukan bagi gaji KMP? | Boleh dirujuk dalam perbekalan skim perkhidmatan yang berkenaan di Lampiran B3 dalam PP 1/2016. |
| 23. | Adakah PT (Kew.) yang ditukar lantik ke Penolong Akauntan Gred W29 dan mengisi jawatan W29 secara hakiki layak diberi BITK? | Pegawai **tidak layak** diberi BITK kerana telah bertukar ke skim perkhidmatan yang lebih tinggi dan tidak diperuntukkan pemberian BITK. |
| 24. | Adakah PT (Kew.) yang ditukar lantik ke Penolong Akauntan | Pegawai **tidak layak** diberi BITK kerana telah bertukar ke skim perkhidmatan yang |

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| | Gred W29 dan ditempatkan secara KUP di jawatan asal PT (Kew.) layak diberi BITK? | lebih tinggi dan tidak diperuntukkan pemberian BITK. |
| 25. | Adakah Pem. PLV/ PPLV/ PLV yang ditukar Klasifikasi Perkhidmatan dari J ke DV layak diberi BIPK? | Pegawai **layak** diberi BIPK tertakluk kepada syarat-syarat pemberian BIPK yang ditetapkan dalam SPP 17/2007. |
| 26. | Sekiranya pegawai dinaikkan pangkat pada 1 Julai 2016 dan ditukar lantik pada tarikh yang sama, bagaimanakah pemindahan gaji pegawai? | Turutan pelaksanaannya adalah seperti berikut:<br>1. Urusan penetapan gaji kenaikan pangkat hendaklah diselesaikan terlebih dahulu.<br>2. Urusan pemberian faedah 1 KGT diselesaikan dan kadarnya adalah mengikut kadar KGT gred kenaikan pangkat skim perkhidmatan asal.<br>3. Gaji pegawai dipindahkan kepada amaun yang sama ke JGMM gred tukar lantik. Jika amaun tersebut kurang daripada gaji permulaan gred tukar lantik, pegawai diberi gaji permulaan gred tukar lantik tersebut. |